

# Guna air sungai padam api

Lebih 300 hilang kediaman dalam kebakaran dipercayai akibat puntung rokok

Oleh Safeek Affendi Razali

bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Lebih 300 penduduk di Kampung Segambut Gate, Segambut Dalam, di sini, kehilangan tempat tinggal selepas kediaman mereka musnah terbakar tengah hari semalam.

Dalam kejadian jam 12.35 tengah hari itu, kebakaran dipercayai berpunca daripada sebuah daripada 50 kediaman yang terletak di tengah-tengah kediaman di kampung berkenaan yang dipercayai berpunca daripada puntung rokok.

Penolong Kanan Pengguna Bomba Kuala Lumpur, M Letchumanan, berkata sepihaknya menerima maklumat kejadian itu bertarjamah jam 12.47 sekali gus mengeluarkan sembilan jentera dengan keanggotaan 90 pegawai dan anggota di lokasi kejadian sejurus kejadian berlangsung.


"Apabila tiba ke lokasi kejadian, kita dapat keadaan api semakin marak sebelum kita memutuskan langkah mengawal api dari merebak ke Kawasan kediaman berhampiran.

"Bagaimanapun, kita menghadapi masalah air kerana tekanan rendah namun kita menggunakan alternatif mendapatkan punca air dari sungai berhampiran sebelum berjaya mengawal api sekitar jam 1.15 tengah hari dan memadam keseluruhan kebakaran kira-kira jam 2 petang," katanya di lokasi kejadian petang semalam.

Katanya, sehingga kini siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengetahui punca sebenar kebakaran berlaku selain sedang mendapatkan jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa.

Selain itu, beliau turut mensahkan tiada sebarang kemalangan jiwa dalam kebakaran yang membabitkan lebih 100 rakyat tempatan dan 180 warga asing yang mendiami kawasan setinggan sejak lebih 20 tahun lalu itu.

Mangsa, S Mariyee, 45, yang mendiami kawasan itu sejak 10 tahun lalu bergegas pulang dari tempat kerja sejurus dimaklumkan anaknya mengenai kejadian berkenaan.



BARANGAN rumah yang berjaya diselamatkan penduduk dalam kebakaran yang memusnahkan Kampung Segambut Gate, Kuala Lumpur, semalam.

"Ketika sampai di kawasan rumah saya lihat api sedang marak hingga saya dan anak-anak tidak dapat berbuat apa-apa untuk membawa keluar barang-barang berhar-

ga dan segala dokumen penting, bagaimanapun saya bersyukur selepas empat anak saya berusia 10 hingga 16 tahun selamat tanpa barang kecederaan," katanya.

